

11/08/1998

Financial Times diminta bersikap lebih objektif

KUALA LUMPUR, Isnin - Akhbar The Financial Times (FT) diminta mengamalkan etika kewartawanan yang lebih objektif apabila membuat laporan mengenai dasar dan tindakan Malaysia dalam usaha memulihkan ekonomi negara.

Dalam suratnya kepada Pengarang akhbar berkenaan, jurucakap Kumpulan Komunikasi Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Lyn Chai meminta FT turut memberi perhatian terhadap pandangan ahli ekonomi terkemuka tempatan dan luar negara yang bersetuju dengan tindakan dan dasar pemulihan ekonomi Malaysia.

Sambil memuatkan pandangan beberapa pakar ekonomi yang menganggap tindakan beberapa negara Asia termasuk Malaysia mengurangkan kadar faedah masing-masing sebagai langkah tepat, Lyn berharap pandangan mereka turut diambil kira akhbar itu.

"Terbukti langkah Malaysia menurunkan kadar faedah baru-baru ini sejajar dengan nasihat ahli ekonomi yang dihormati di dalam dan luar negara. Saya berharap pandangan mereka juga harus diberi pertimbangan atas nama kewartawanan yang objektif," katanya dalam surat lebih dua muka surat itu.

Beliau mengulas laporan wakil akhbar berkenaan, Sheila McNully, dalam edisi FT 2 Ogos lalu bertajuk Malaysia lower interest rates.

Pada perenggan pertama laporan berkenaan, wartawan itu menulis:

"Malaysia merendahkan kadar faedah semalam bertentangan nasihat ahli ekonomi yang memberi amaran langkah melonggarkan dasar kewangan akan meningkatkan risiko penambahan pengaliran keluar dana dan menyebabkan kejatuhan nilai ringgit yang lebih teruk".

Sebagai reaksinya kepada artikel itu, Lyn menganggap, pandangan yang bertujuan memperkecil-kecilkan oleh pakar yang tidak mahu dikenali sering menjadi rujukan dan digambarkan sebagai kepercayaan yang 'eksklusif' dan diterima oleh semua pihak.

Lyn berkata, MTEN menghormati perbezaan pandangan dan tidak menjangka wujud kesepakatan yang benar-benar bulat dalam bidang ekonomi.

"Bagaimanapun, adalah sesuatu yang menyegarkan jika media tertentu memaparkan perspektif yang lebih seimbang dan menawarkan pembaca mereka pilihan untuk membuat rumusan sendiri," katanya.

Sebagai contoh, menurutnya, isu dasar kadar faedah yang sedang diperdebatkan golongan kumpulan pemikir dan universiti terkemuka seluruh dunia.

"Berbeza daripada `nasihat ahli-ahli ekonomi' yang FT rujuk, terdapat anjakan dalam pemikiran dan sokongan kuat terhadap pengurangan kadar faedah sebagai mekanisme paling perlu bagi kebangkitan semula ekonomi Asia," katanya.

Sebagai contoh, Lyn menjelaskan, dalam wawancara dengan Asiaweek (27.3.98), Naib Presiden Bank Dunia, Joseph Stiglitz, berkata: "Kadar faedah yang tinggi dan program berjimat cermat yang ditekankan IMF memburukkan pengangguran".

Lyn juga memetik laporan Philip Bowring dalam International Herald Tribune pada 23 Julai 1998 yang meminta kerajaan `Mengabaikan IMF dan menurunkan kadar faedah di Asia'.

Katanya, Bowring menyebut: "Kali ini, Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mempunyai pandangan tepat. Asia (tidak termasuk Jepun) ditempatkan dengan kadar faedah luar biasa tingginya yang mengancam untuk menjadikan kemerosotan jangka pendek yang menjunam berubah kepada kemelesetan. Dasar mesti diubah, tanpa mengira pandangan IMF".

(END)